

BERITA HARIAN, KHAMIS, 29 JUN, 1978

PAS dituduh— khianati dasar pelajaran

KOTA BHARU, Rabu — Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir berkata, pemimpin-pemimpin PAS sekarang ini sudah lupa kepada perjuangan kebangsaannya dan sanggup mengkhianati Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Belliau menyatakan, tindakan mereka itu akan merusakkan cita-cita Dasar Pelajaran yang semata-mata untuk kebaikan masa depan pelajaran anak-anak Melayu.

Timbalan Perdana Menteri berkata demikian ketika merasmikan Sekolah Kebangsaan Kedai Lalat dekat sini, hari ini.

Katanya lagi, para pemimpin PAS menabur fitnah di kampung-kampung mengatakan selain dari pelajaran agama Islam pelajaran-pelajaran lain tidak penting.

Dr. Mahathir berkata, mereka itu hanya boleh bercakap demikian di kampung-kampung tetapi kalau mereka bercakap dengan orang yang tahu tentang kepentingan Dasar Pelajaran Ke-

bangsaan, mereka akan takut.

Timbalan Perdana Menteri kemudiannya mengumumkan, Yayasan Pengajian Tinggi Islam Nilam Puri akan dijadikan Fakulti Islam Universiti Malaya tidak lama lagi.

Katanya, segala perbelanjaan akan ditanggung oleh Kerajaan Pusat.

Menurut belliau, PAS telah membuat seribu janji untuk memperlempangkan Yayasan tersebut tetapi sehingga tahun terakhir PAS memerintah Kelantan, janji-janji itu tidak ditunalkannya.

Sekarang Kerajaan Pusat sedia mengambil alih dan menyediakan perbelanjaan yang cukup untuk menjadikannya sebuah Fakulti Islam yang lengkap, katanya.

Belliau berkata, pemimpin PAS hanya pandal berjanji tapi tidak pernah menunalkannya.

"Apabila rakyat menuntut janji, pemimpin PAS menyalahkan Kerajaan Pusat bahawa Kerajaan Pusat menghalang mereka," tambahnya.